

PUSAT PENGAJIAN SAINS FARMASI

GARIS PANDUAN MENGURUSKAN KEMALANGAN DI MAKMAL YANG MELIBATKAN PELAJAR PADA WAKTU KERJA

- Pelajar atau rakan kumpulan melaporkan kemalangan kepada pensyarah/pembantu makmal di dalam makmal.
- Pensyarah/pembantu makmal memberi bantu-mula (pertolongan cemas) jika mampu dan melibatkan kecederaan ringan.
- Pensyarah/pembantu makmal berkaitan membantu menghantar pelajar ke Pusat Kesihatan USM jika perlu. (Jika terdapat lebih daripada seorang pensyarah bertugas maka salah seorang pensyarah perlu menghantar pesakit tersebut dan jika terdapat seorang pensyarah tetapi lebih daripada seorang staf makmal, maka disarankan salah seorang staf makmal yang menghantarnya).
- Pensyarah/pembantu makmal menghubungi ambulan melalui talian kecemasan Pusat Kesihatan USM di sambungan 3999 jika melibatkan kemalangan yang serius.
- Jika pensyarah bertugas tiada di makmal semasa kejadian, pembantu makmal hendaklah menelefon pensyarah berkenaan. Oleh itu disarankan agar pensyarah meninggalkan no. telefon yang boleh dihubungi oleh pembantu makmal sekiranya beliau terpaksa meninggalkan kelas amali atas sebab yang tidak dapat dielakkan.
- Jika gagal, sila hubungi Penolong Pegawai Sains ataupun pembantu makmal kanan bahagian supaya membantu melaporkan kes berkaitan kepada pensyarah petugas/penyelia pelajar berkaitan.
- Seorang Pensyarah/pembantu makmal/rakan pesakit perlu menemani pelajar berkaitan di dalam ambulan hingga ke Pusat Kesihatan. Jika kes berkaitan dirujuk kepada hospital dicadangkan supaya peneman ini turut bersama ke hospital untuk membantu beliau jika memerlukan sebarang pertolongan.
- Pelajar digalakkan bekerja dengan rakan ataupun seseorang yang bekerja sepanjanggilan di dalam makmal jika menjalankan sesuatu amali yang merbahaya.
- Pusat Kesihatan USM dibuka dari 5:00 petang – 7:00 malam selepas waktu pejabat. Dapatkan bantuan Jabatan Keselamatan di sambungan 4999 (24 Jam), 4333 atau 4334 jika berlaku sebarang kemalangan ataupun memerlukan kenderaan untuk ke Pusat Kesihatan.
- Kemalangan yang berlaku selepas jam 7.00 malam hendaklah dirujuk ke hospital atau Doktor panel. Sila hubungi Jabatan Keselamatan melalui talian 4999 (24 jam), 4333 atau 4334 jika memerlukan kenderaan.
- Pelajar/rakan pelajar hendaklah menghubungi penyelia pelajar berkenaan dengan menyemak nombor telefonnya di dalam senarai pelajar memohon kerja selepas waktu pejabat yang dipamerkan di setiap makmal.